

Masharakat Chantek

Enigma Penyisihan OKU

MOHD ROSLI IBRAHIM





Masyarakat Chantek Enigma Penyisihan OKU

Mohd Rosli Ibrahim



PUSTAKA PERDANA



1013996

SOELOEH
MERDEKA

Bangi

Cetakan Pertama 2023

Hak cipta tulisan © Mohd Rosli Ibrahim

Hak cipta penerbitan © Kawah Buku

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kawah Buku.

Soeloeh Merdeka, *imprint***Kawah Buku**

Bandar Baru Bangi

43650 Selangor

press.kawahbuku.com

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Mohd Rosli Ibrahim, 1973-

Masyarakat Chantek: Enigma Penyisihan OKU /

Mohd Rosli Ibrahim.

ISBN 978-967-26405-2-3

1. People with disabilities.
2. People with disabilities--Social conditions.
3. People with disabilities (Islamic law).

I. Judul.

362.4

Suntingan oleh Iskandar Kamel

Bacaan semak oleh Azan Safar

Konsep dan reka bentuk kulit buku oleh Rana Rembula

Lakaran kulit buku oleh Fahmi Mustaffa

Diterbitkan di Malaysia

Dicetak oleh Vinlin Press

Isi Kandungan

<i>Singkatan Kata</i>	<i>ix</i>
<i>Pengenalan</i>	<i>xi</i>
<i>Kata Pengantar</i>	<i>xvii</i>

Bahagian I **DILEMA KEHIDUPAN SOSIAL**

1. Masyarakat Cantik?	3
2. Penyisihan Sosial	11
3. Bahasa dan Peminggiran	17
4. Istilah Itu Kekuasaan	25
5. Si Buta, Tongkat dan Pelita	33
6. Si Buta Mengemis?	39
7. Wujudkah Sindiket Pengemis?	45
8. Kemunafikan Masyarakat?	53
9. Keramahan Kuala Lumpur	59

Bahagian II **ANTARA CABARAN DAN SOKONGAN**

10. Sistem Sosial Ketidakupayaan	67
11. Model Sosial Alam Pengetahuan	75
12. Sedekah dan Perubahan	81
13. Menara Gading dan Sang Pendeta	87
14. Budaya Kerja JKM	93
15. Di Sebalik Tabir PDK	97
16. Sanubari Ayah dan Anak	107
17. Kebolehpupayaan Sara Diri	113

Bahagian III **OKU DALAM TRADISI ISLAM**

18. Karamah Insaniyyah	125
19. OKU dalam Sirah Kenabian	131
20. Agamawan Pewaris Risalah Kenabian?	137
21. Hudud dan Fiqh Ketidakupayaan	143
22. Fungsi Kemanusiaan Agama	149
23. Teologi Ketidakupayaan	157
24. Menjengah Urutan Sejarah	165



Bahagian IV	
DARIPADA IDEALISME KE AKSI	
25. Melangkah ke Demonstrasi Jalanan	187
26. Dilema NGO OKU	193
27. Merentas Gerakan Massa	199
28. Daripada Parti kepada Solidariti	211
29. Memasarkan Imaginasi Ketidakupayaan	219
30. OKU Menulis?	227
31. Daripada Gelap kepada Terang	233
<i>Epilog</i>	241
Enigma Tubuh Mendunia yang Terabaikan	
<i>Glosari</i>	271
<i>Bibliografi</i>	273
<i>Biografi Penulis</i>	287

Singkatan Kata

CBR	Community Based Rehabilitation
CDC	Critical Disability Studies
CRPD	Convention on the Rights of Persons with Disabilities
DET	Disability Equality Training
EPC	Elaun Pekerja Cacat
EPOKU	Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya
FAPE	Free Appropriate Public Education
IDEA	Individuals with Disabilities Education Act
IEP	Individualized Education Program
ILC	Independent Living Centre
INJA	L'Institut National des Jeunes Aveugles
IRJA	L'Institut Royal des Jeunes Aveugles
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPOKU	Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KUBU	Kuliah Buku
MAB	Malaysian Association for the Blind
MKBOKU	Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
RMKe	Rancangan Malaysia ke-
RPI	Rancangan Pendidikan Individu
SMOKU	Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya
SOBM	Solidariti Orang Buta Malaysia
UPIAS	Union of the Physically Impaired Against Segregation



Pengenalan

Saya menuliskan permasalahan OKU mengikut gelodak hati dan gerak jejari pada papan kekunci komputer. Tidaklah mengharap para pembaca yang budiman nanti mudah mengerti dengan sebaiknya. Cukuplah dapat dirungkai apa-apa yang dinilai bermanfaat.

Saya sedikit pun tidak mengambil hati mengenai sikap sesetengah daripada kalangan komuniti OKU sendiri terhadap aspirasi OKU Bangkit 2012. Biarkanlah sahaja. Suatu saat mereka akan mengerti jua. Tidak mudah mengubati keremukan fenomena penyisihan yang sudah berdekad-dekad dilalui. Saya adalah sebahagian daripada pergelutan rumit ini. Saya begitu mengerti apa yang sedang menggelegak dalam komuniti. Semua ini bukan mudah untuk dirungkaikan kemudian menyusunnya semula dalam satu bingkai.

Sekiranya anda berfikir saya tidak layak bercakap mengenai isu OKU lantaran tidak mempunyai sebarang sijil formal, itu ada kebenarannya. Saya bukanlah sesiapa. Saya hanya ada bekal semangat yang anda sendiri sudah kehilangannya. Tiada yang istimewanya dengan kehidupan OKU. Untuknya seluruh hati ini telah ditebuskan. Saya menerimanya dengan nafas mesra. Pada suatu ketika nanti anda semua akan mengerti jua setelah saya pergi jauh mengembara.

Sebenarnya, tidak mudah untuk menuliskan kisah suka duka kehidupan sebagai OKU. Kadang-kadang mahu sahaja dibiarkan kisahnya berkubur dalam hati paling dalam atau menjadi debu membaur bersama angin. Kadang-kadang hati bergolak lagi.

Untuk apakah mengenang masa lalu jika masa lalu itu boleh membunuh masa kini?

Saya bukan sesiapa. Bukanlah orang besar yang memiliki

kisah perjuangan. Tidak ada apa yang istimewa tentang kehidupan seorang OKU.

Saya tidak mengaku sebagai aktivis yang memperjuangkan isu-isu OKU. Saya cuma menzahirkan sikap. Saya hanya melontarkan iradat. Saya sekadar berbisik-bisik menyampaikan manfaat. Saya memang tidak memahami mengapakah Tuhan selalu memberikan ilham. Mengapakah dianugerahkan *Ma'rifah al-Hayat* (pengetahuan yang menghidupkan) untuk dizahirkan. Mengapakah Tuhan menyuburkan semangat dalam diri ini. Saya memang tidak ada bakat berpidato apatah lagi wibawa kepimpinan atau kemampuan mempengaruhi orang lain.

Saya bukan orang besar yang mempunyai kisah perjuangan untuk dituliskan. Saya adalah antara ribuan lagi OKU yang gagalis. Gagalis kerana tidak ditampung oleh sistem sokongan sosial kehidupan. Saya, yang anda lihat 'berjaya' sudah bertarung sendirian sekian lama. Jatuh bangun bergenang air mata seperti saja mengalir 'wahyu' Tuhan, apabila bercakap mengenai isu OKU. Itulah yang saya selalu rasakan. Ia bagaikan tertuntun ke lorong-lorong *mishkat*.

Pergelutan hidup seorang OKU terasa memberat. Anehnya, ia kepahitan yang menjadi penawar. Sesekali terasa sukar menjadi objektif terhadap diri sendiri dalam menggeluti kerumitan hikmah takdir. Ada ketikanya kepahitan meruntun ketakutan kepada sesuatu yang menggetirkan. Keberanian untuk terus hidup terasa bersimpang-siur lagi. Tetapi anehnya di antara simpang siur itulah manusia bergerak ke hadapan. Belajar dan terus belajar, menggali dan terus menggali makna tersembunyi takdir Tuhan sebagai seni percaturan yang paling kompleks.

Ramai orang bermadah bahawa 'kecacatan' bukan penghalang kepada kejayaan OKU.

Namun apakah sebenarnya 'kecacatan' atau kekurangan?

Apakah 'halangan' atau 'kejayaan' disebabkan oleh kekurangan tubuh atau ketidakupayaan sosial?

Bagaimanakah kekurangan tubuh dan ketidakupayaan sosial mampu menghalang OKU mencapai kejayaan?

Bagaimanakah ukuran kejayaan apabila ia dikaitkan dengan seseorang yang mengalami kekurangupayaan?

Apakah keadaan orang yang disebut sebagai OKU dikaitkan dengan kekurangupayaan tubuh atau ketidakupayaan sosial?

Mampukah perihal ini diberikan pengupayaan?

Apakah elemen-elemen pengupayaan yang sewajarnya perlu disediakan kepada OKU?

Sudahkah OKU difahami sebagai kekurangupayaan atau ketidakupayaan?

Menonton 'Masyarakat Chantek'

Buku kecil yang diberikan judul *Masyarakat Chantek* akan menggarap segala permasalahan ini dengan bersahaja. Semua persoalan-persoalan rumit ini akan cuba ditelanjangi secara jelas dan tanpa disembunyikan lagi. Hal demikian kerana ada beberapa sisi yang masih tersembunyi daripada pemahaman khalayak awam mengenainya. Kehadiran buku kecil ini cuba memberikan suatu pemetaan baharu kepada kefahaman sedia ada berkaitan OKU. Analisisnya masih boleh diperdebatkan secara ilmiah. Semoga para pembaca yang budiman berhenti sejenak dan merenung sedalam-dalamnya setiap pandangan yang dilontarkan oleh penulis.

Tulisan-tulisan awal yang terabadikan dalam buku ini merupakan sebahagian daripada status Facebook yang dikumpulkan dalam tempoh awal tahun 2012 sehingga pertengahan 2015. Ia menghimpunkan beberapa peristiwa, pengamatan dan reaksi terhadap isu-isu OKU di Malaysia dalam tempoh tersebut. Kesepakatan digital ini kemudiannya diolah menjadi *zine*. *Zine* tersebut dinamakan "Masyarakat Chantek". Ia telah diterbitkan sebanyak tiga jilid. Setiap jilid mengandungi 50 halaman dan dijual dengan harga RM5 senaskhah.

Menulis catatan ringkas pada dinding Facebook sebenarnya telah menggerakkan rasa kenikmatan dalam memberikan pendapat. Secara tidak disedari, Facebook telah memberikan dorongan dan semangat untuk terus menulis. Saya terfikir untuk membukukan tulisan-tulisan yang sudah menjadi *zine* untuk diterbitkan sebagai senaskhah buku. Dalam pengamatan saya, langkah ini adalah sejenis kreativiti

masyarakat urban yang selalu diabaikan. Kita selalu sahaja dihambat oleh masa dan beban kerja yang menimbun.

Catatan dalam *zine* “Masyarakat Chantek” telah dikumpulkan semula kemudian disaring satu persatu. Hampir kebanyakan catatan tadi telah diperkemaskinikan, disunting semula dan diberikan sedikit sebanyak penambahan. Kesilapan-kesilapan ejaan dan susun atur perenggan atau kosa kata cuba dihindari sedapat mungkin. Semoga usaha kecil ini memberikan faedah terbaik kepada para pembaca yang budiman.

Proses-proses pendigitalan maklumat dan interaksi sosial di Facebook telah membuka banyak ruangan wacana awam. Namun jika perkara ini hanya terhenti di alam maya semata-mata, maka orang-orang kecil yang berminat dengan keserjanaan awam akan menjadi khayalan dalam pendemokrasian pengetahuan. Marilah terjun ke lapangan masyarakat, menggeluti persoalan-persoalan mereka dengan lebih cermat dan mendalam lagi.

Melalui pergaulan sosial dan berwacana kedai kopi, ia akan mengungkapkan keresahan persekitaran yang selama ini terpendam dan terpendam. Isu-isu OKU bukan lagi kisah orang-orang asing dari Planet Krypton. Ia sesuatu pemandangan yang lazim dalam kehidupan masyarakat.

Mengapa buku ini diberikan judul *Masyarakat Chantek*?

Dalam tempoh pertengahan tahun 2013, saya mencipta sebuah halaman di Facebook yang diberi nama “Dialog dalam Gelap”. Halaman Facebook tersebut merupakan salah satu usaha bagi menggerakkan isu-isu OKU di Malaysia. Awal tahun 2014, saya menukar nama halaman tersebut kepada “Masyarakat Cantik”. Menerusinya, saya menulis dan memuat naik video berkaitan isu-isu OKU.

Saya meminjam kata kunci ‘masyarakat chantek’ daripada luahan rasa Si Bongkok lakonan P. Ramlee dalam filem *Sumpah Orang Minyak*. Padahal filem tersebut sudah ditonton semenjak kecil lagi. Ketika itu saya tidaklah memahami apa yang mahu disampaikan oleh filem tersebut secara tersurat dan tersirat. Saya menonton berulang-ulang babak tersebut, cuba mencari apa yang mahu disampaikan. Saya menonton keseluruhan filem berulang-ulang bagi mendapatkan kefahaman struktur dan perkaitan antara satu babak dengan

babak lainnya.

Dalam tempoh 2016-2018, saya mulai menulis mengenai tema-tema OKU dalam perfileman Melayu klasik. Saya menonton hampir semua filem-filem Melayu klasik terutamanya filem-filem awal P. Ramlee. Ketika menonton filem *Salah Siapa?* (1953), *Ibu* (1953) dan *Antara Senyum dan Tangis* (1952), baharulah saya dapat menyelami cita sempurna kepengarangan, lakonan dan sinematografi tokoh hebat ini. Ketiga-tiga filem tersebut telah mencitrakan tema-tema OKU penglihatan. P. Ramlee telah membicarakan konsep-konsep kekurangupayaan dan ketidakupayaan dalam karyanya.

Ada apa dengan *Masyarakat Chantek*?

Saya mahu memulangkan kata kunci ini kepada pemiliknya, Syed Sudarmaji bin Syed Abdullah atau lebih dikenali sebagai S. Sudarmaji (1923-1989) sebagai penulis skrip filem *Sumpah Orang Minyak*. Beliau lebih memahami mengapa kata kunci masyarakat cantik digunakan dalam babak tersebut. Saya hanya mentafsirkan, mengembangkan dan mempopularkan kata keramat ini. Saya mahu menjadikan idealisme keterangkuman OKU dalam masyarakat cantik.

Namun siapakah mereka sebenarnya?

Apakah pemaknaan yang tepat mengenai isu-isu OKU?

Apakah pula kekurangupayaan dan ketidakupayaan?

Semua ini disimpulkan dalam satu perkataan yang padat iaitu masyarakat cantik. Ia akan mencitrakan persoalan-persoalan yang lebih jelas mengenai isu-isu ini.

Mohd Rosli Ibrahim

3 Oktober 2022



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Kata Pengantar

Membaca catatan dan titipan daripada Saudara Rosli Ibrahim ibarat membaca kisah-kisah kehidupan OKU yang seringkali disalah tafsir. Seringkali berlaku pandangan OKU diketepikan, diasingkan namun adakalanya diangkat secara keterlaluan sebagai sumber inspirasi sehingga wujudnya istilah *inspiration porn* (merujuk kepada fenomena yang menjadikan OKU sebagai objek inspirasi kepada kelompok tipikal) yang dicetuskan polemik oleh aktivis OKU Australia, Stella Young dalam *TED Talk Sydney 2014*. Seperti mana orang lain, OKU mempunyai hak-hak asasi yang sama rata dengan insan yang lain dalam kehidupan mereka, menentukan arah kehidupan, kerjaya malahan sehingga jalur pemikiran. Sebagai seorang intelektual dan aktivis awam, Saudara Rosli berjaya mengadunkan citra idea dan praktis dalam memahami konsep ketidakupayaan dalam kehidupan beliau sehingga lahirnya penerbitan *Masharakat Chantek* ini.

Seringkali kita tertanya-tanya bagaimana adunan ini lahir dan berkembang dengan baik?

Semua ini sebenarnya lahir menerusi pembacaan. Benarlah apa yang disurahkan dalam ayat pertama surah *Al-Alaq* yang bermaksud, “Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk),” yang menekankan tentang peri pentingnya membaca kepada seorang insan. Membaca dengan nama Tuhan yang Mencipta tidak hanya sekadar membaca tanpa memikirkan kejadian alam. Membaca adalah suatu tabiat bukan hobi—namun tidak sekadar membaca tanpa memikirkan apa yang berlaku di sekelilingnya. Saudara Rosli dalam beberapa catatannya telah menekankan betapa masyarakat kini semakin kehilangan arah gara-gara membaca tanpa kesedaran yang cukup tentang apa yang mereka baca. Membaca tanpa jiwa

itulah istilah yang sesuai. Tiada persoalan selepas pembacaan, malahan cepat berpuas hati adalah tanda ketandusan yang terjadi. Masyarakat terabai dan hilang panduan gara-gara sikap yang berleluasa ini.

Sebagai seorang ahli akademik yang mendalami dan mengamati undang-undang hak asasi manusia berkaitan OKU, catatan Saudara Rosli dalam buku ini saya kira sebagai salah satu pelengkap dalam memahami sikap masyarakat, institusi dan individu dalam memahami komuniti terpinggir yang mempunyai angka terbesar dalam mana-mana negara. Kajian berkaitan OKU atau dikenali sebagai pengajian ketidakupayaan (*disability studies*) dalam pelbagai aspek terutamanya sosiologi, pendidikan, perubatan, agama adalah sangat penting dan menuntut pembacaan dan analisis yang lebih mendalam. Dari segi statistik, menurut *World Report on Disability* oleh WHO pada tahun 2011, setiap negara mempunyai kira-kira 15% jumlah penduduk merupakan seorang OKU (mungkin lebih?).

Di Malaysia, sehingga 31 Ogos 2022, Malaysia merekodkan kira-kira 619,273 OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mempunyai kad OKU seperti termaktub dalam Akta OKU 2008, statut tempatan utama yang melindungi dan mempertahankan hak-hak OKU di Malaysia. Jumlah ini masih kecil sebenarnya berbanding jangkakan kira-kira 4.8 juta penduduk Malaysia bagi memenuhi peratusan kriteria yang dinyatakan di atas.

Oleh itu, kita harus membaca dan melihat pascastatistik, apakah puncanya kurang pendaftaran?

Adakah wujud kesedaran komuniti dalam memahami kepentingan pendaftaran?

Apakah berlakunya stigma masyarakat yang berleluasa terhadap komuniti rentan ini?

Berapa banyakkah kes-kes diskriminasi yang dialami oleh mereka dalam segenap aspek kehidupan?

Apakah pandangan institusi-institusi negara dalam memastikan hak-hak komuniti OKU terpelihara dalam kerangka negara bangsa?

Adakah instrumen perundangan dan polisi sedia ada memahami keperluan dan kehendak komuniti OKU?

Bagaimana untuk memperbaiki hidup dalam mereka

menjalani kualiti hidup yang lebih baik?

Ini adalah antara persoalan-persoalan kritikal yang patut difikirkan bersama dalam membaca dan meneroka catatan Saudara Rosli.

Saya mengharapkan agar catatan dan luahan dalam buku ini dapat memberi impak kepada masyarakat dalam memahami konsep ketidakupayaan dan juga norma-norma kehidupan yang dialami oleh komuniti ini dari lensa Saudara Rosli. *Masyarakat Chantek* diharapkan boleh menimbulkan pelbagai persoalan dan polemik dan diurusperdanakan dalam memahami komuniti OKU yang seringkali diabaikan, dihilangkan dan disisihkan oleh masyarakat umum.

Selamat membaca!

Ikmal Hisham Md. Tah

Pensyarah Kanan


Fakulti Undang-Undang UiTM

4 November 2022



Bahagian I

**DILEMA
KEHIDUPAN
SOSIAL**



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



The Beggars, 1568
Pieter Bruegel the Elder



Apakah yang ‘cantik’ terhindar daripada segala kekurangan?

Masyarakat sering mendabik bahawa mereka begitu menyantuni OKU, beralas penyedap ‘istimewa’, ‘khas’, ‘penuh inspirasi’. OKU yang gagal, digelar pemalas. **Masyarakat chantek** hanya mengkhayalkan OKU dalam kekurangupayaan dan berterusan mengabaikan ketidakupayaan sosial.

Naskhah ini menzahirkan fikiran yang melangkaui zaman. Penulis merebut kembali wacana kekurangupayaan dan ketidakupayaan yang selama ini milik hegemoni **masyarakat chantek**. Naratif dominan OKU diogoh dalam jujukan kerangka popular dan akademia.

Di dada akhbar, seringkali pergelutan OKU melawan kepayahan menjadi objek syahwat khalayak tika mana mereka bertarung dalam nyanyi sunyi; tangan dan kaki terkebumi.

Dalam hembus derita mereka, kita khusus mendengung syurga.



ISBN 978-967-26405-2-3

